

Headline	<b>Karnival kerjaya tahunan</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>18. Oct 2008</b>	Page No	<b>14</b>
Media Title	<b>Utusan Malaysia</b>	Article Size	<b>130 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Dlm Negeri</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>238082</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>833287</b>	AdValue	



# Karnival kerjaya tahunan

Oleh ROHANI IBRAHIM

**BANGI** 17 Okt. - Karnival Kerjaya Kebangsaan akan dijadikan acara tahunan mulai tahun depan dengan menawarkan peluang kerjaya, keusahawanan dan perniagaan kepada bakal graduan.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, peluang menjadi usahawan dan

menjalankan perniagaan perlu diterapkan dalam karnival kerjaya.

"Ini kerana peluang kerjaya bagi siswazah tidak terhad dalam industri pekerjaan sahaja," katanya.

Mohamed Khaled berkata demikian ketika berucap melancarkan Karnival Kerjaya Kebangsaan 2008 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini hari ini.

Jelasnya, mulai tahun depan karnival kerjaya tidak akan diadakan di

universiti lagi sebaliknya di lokasi yang lebih besar seperti Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) atau Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

"Ini bagi membolehkan lebih banyak syarikat mengambil bahagian dalam pameran selain menarik lebih ramai pengunjung."

"Mulai tahun depan juga karnival kerjaya akan dianjurkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan ia akan menjadi salah satu acara utama

dalam kalender pendidikan negara," katanya.

Karnival Kerjaya 2008 yang berlangsung di UKM kali ini merupakan kali ketiga selepas Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) menjadi tuan rumah.

Pada tahun ini, sebanyak 115 syarikat mengambil bahagian dan sejumlah 5,000 peluang pekerjaan ditawarkan untuk para pengunjung.